

# BIOLAB RANITIDINE TABLET

Ranitidine Hydrochloride (150mg, 300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Biolab Ranitidine*
2. Bagaimana *Biolab Ranitidine* berfungsi
3. Sebelum mengambil *Biolab Ranitidine*
4. Cara menggunakan *Biolab Ranitidine*
5. Semasa menggunakan *Biolab Ranitidine*
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Biolab Ranitidine*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Biolab Ranitidine*

Ranitidine digunakan dalam semua keadaan apabila pengurangan perembesan asid perut yang terkawal diperlukan. Keadaan yang berkenaan termasuk Ulser Duodenum, Ulser Gastrik, Esofagitis Refluks, Sindrom Zollinger-Ellison.

## Bagaimana *Biolab Ranitidine* berfungsi

Ranitidine bertindak dengan menghalang perembesan asid gastrik.

## Sebelum mengambil *Biolab Ranitidine*

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil *Biolab Ranitidine* jika:

- Anda alergik terhadap ranitidine atau mana-mana komponen ubat ini.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *Biolab Ranitidine* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Oleh kerana ranitidine diedarkan ke dalam susu ibu, ubat ini harus digunakan dengan berhati-hati dalam wanita yang menyusu. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil

Sila maklumkan doktor sebelum mengambil *Biolab Ranitidine*:

- Jika anda mempunyai masalah hati atau buah pinggang.
- Jika anda mengalami keadaan yang dipanggil porfiria (gangguan

metabolisme pigmen yang diwarisi) atau anda pernah mengalami keadaan ini.

- Doktor akan menyediakan beberapa ujian untuk mendiagnosis kanser sebelum memulakan rawatan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan, terutamanya sulcralfate (digunakan untuk merawat ulser perut)

## Cara menggunakan *Biolab Ranitidine*

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ulser duodenal, ulser gastrik:

150 mg dua kali sehari atau 300 mg pada waktu tidur untuk tempoh 4 minggu. Sekiranya perlu, boleh dipanjangkan hingga 6 - 8 minggu.

Esofagitis:

150mg dua kali sehari untuk tempoh 8 minggu.

Sindrom Zollinger-Ellison:

Dos awal adalah 150 mg, 3 kali sehari dan boleh ditingkatkan jika perlu sehingga 600 mg.

### - Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan

ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesan seperti kesan sampingan ubat ini.

## Semasa menggunakan *Biolab Ranitidine*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Biolab Ranitidine*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Biolab Ranitidine* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika ubat ini membuat anda berasa loya, pening atau penat, atau memberikan sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan segera hubungi doktor anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Biolab Ranitidine* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan termasuk:

- keradangan hati dengan atau tanpa penyakit kuning
- sembelit
- cirir-birit
- loya/muntah
- sakit perut
- keradangan pankreas
- perubahan kiraan darah
- meningkatkan atau mengurangkan kadar jantung
- pening
- Kesukaran tidur
- kekeliruan mental
- kemurungan
- agitasi
- khayalan
- penglihatan kabur
- sakit otot
- peningkatan saiz payudara
- mati pucuk
- hilang keinginan seksual
- ruam
- kehilangan rambut
- sakit kepala.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

#### Cara penyimpanan dan pelupusan

##### **Biolab Ranitidine**

###### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di suhu tidak melebihi 30 °C.  
Lindungi dari kelembapan.

###### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

Biolab Ranitidine 150mg:  
Tablet bulat, dwicembung, putih bersalut film, ditekan logo Biolab pada satu muka.

Biolab Ranitidine 300mg:

Tablet bujur segiempat, dwicembung, kuning bersalut film, ditekan "BIOLAB" pada satu muka dan terbahagi pada muka lain.

##### - Bahan-bahan kandungan

###### - Bahan aktif

*Ranitidine Hydrochloride*

###### - Bahan tidak aktif

Biolab Ranitidine 150mg:  
Microcrystalline cellulose, Magnesium stearate, Isopropyl alcohol, Hydroxypropyl methylcellulose, Methylene chloride, Titanium dioxide, Talcum, Propylene glycol dan Carnauba wax.

Biolab Ranitidine 300mg:

Microcrystalline cellulose, Sodium starch glycolate, Magnesium stearate, Colloidal silicon dioxide, Isopropyl alcohol, Hydroxypropyl methylcellulose, Methylene chloride, Sunset yellow lake, Quinoline yellow lake, Titanium dioxide, Talcum, Propylene glycol dan Carnauba wax.

##### - Nombor MAL

Biolab Ranitidine 150mg:  
MAL20034188AZ

Biolab Ranitidine 300mg:  
MAL20034189AZ

#### Pengilang

Biolab Company Ltd  
625 Soi, 7A, Bangpoo Industrial Estate,  
Samutprakarn 10280,  
Thailand

#### Pemegang Pendaftaran Produk

Medispec (M) Sdn Bhd  
55 & 57, Lorong Sempadan 2,  
11400 Ayer Itam, Penang,  
Malaysia

#### Tarikh kemaskini RiMUP

30.1.2018

#### Nombor Siri

NPRA(R4/1)300118/00030